



Rujukan Kami : PASB/PSIS/LI/2025/02

Tarikh : 02 Oktober 2025

Penyelaras Latihan Industri

Jabatan Kejuruteraan Awam

Jabatan Perdagangan

Politeknik Sultan Idris Shah,

Sungai Lang,

45100 Sungai Air Tawar,

Selangor Darul Ehsan.

Tuan/Puan,

TAWARAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR TAHUN AKHIR

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa syarikat kami, Pemada Alam Sdn. Bhd., sebuah syarikat kontraktor berdaftar G7 yang berpengalaman luas dalam mengendalikan projek bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti MPKj, MPS, JKR, serta badan-badan GLC seperti Air Selangor, Infrasel dan MAHB, ingin menawarkan peluang latihan industri kepada pelajar-pelajar tahun akhir dari institusi tuan/puan.

2. Tawaran ini dibuka khusus kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang:

- a) Quantity Surveying (QS)
- b) Pentadbiran / Administrative (Admin)

3. Sepanjang latihan industri ini, pelajar akan diberikan pendedahan praktikal dalam pengurusan projek, dokumentasi kontrak, penyediaan tuntutan bayaran, penyelarasan pentadbiran serta proses kerja berkaitan industri pembinaan.

4. Syarikat kami juga mengutamakan calon yang bersemangat, berdisiplin dan berminat untuk menimba pengalaman sebenar dalam industri. Sekiranya menepati kriteria, pelajar juga berpeluang diserap untuk terus bekerja bersama syarikat selepas tamat latihan.

5. Pelajar yang berminat boleh menghantar permohonan beserta resume/CV melalui emel pemadaalam2020@gmail.com atau menghubungi kami di talian 03-38315845.

6. Bersama - sama ini dilampirkan profil syarikat bagi rujukan pihak tuan/puan. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak tuan/puan amat dihargai

Sekian, terima kasih.



PEMADA ALAM SDN. BHD.

855343-A

NO.20-2, JALAN PUTERI 2A/3, BANDAR PUTERI
BANGI, 43000 KAJANG SELANGOR

013-884 7828 / 03-3831 5845

pemadaalam2020@gmail.com

Yang benar,

Pemada Alam Sdn. Bhd.



Mohd Noh Bin Sufa'at
Pengarah

